

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**
DARIPADA : **Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan]**
TARIKH : **25 Mei 2016 (Rabu)**
SOALAN : **Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta**
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan apakah tindakan tegas atau usaha yang dilakukan Kementerian bagi menangani penggunaan racun perosak haram oleh para petani.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Racun Makhluk Perosak adalah bahan yang digunakan untuk memusnah dan mengawal serangga atau tumbuhan perosak. Contoh racun makhluk perosak ialah racun *paraquat*, *organofosfat*, *organoklorin*, *glifosat*, *karbamat* dan lain-lain yang digunakan untuk pertanian dan domestik. Racun makhluk perosak berguna bagi mengawal makhluk perosak dan meningkatkan penghasilan pertanian namun ia juga berbahaya kepada manusia.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani penggunaan racun makhluk perosak haram oleh para petani. Antara usaha yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- a) Mengharamkan penggunaan beberapa racun makhluk perosak yang berbahaya seperti dari kumpulan 'Organoklorin' iaitu 'Dieldrin' (1989), 'Heptachlor' (1994), 'Chlordane' (1996), dan 'Lindane' pada 2001. Sehingga kini, sebanyak 40 jenis racun makhluk perosak telah diharamkan penggunaannya oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) di bawah Jabatan Pertanian.

- b) Melaksanakan pemantauan secara berkala bagi memastikan semua jenis racun perosak sama ada yang diimport atau dikilang untuk kegunaan tempatan didaftarkan dengan Lembaga Racun Mahhluk Perosak (LRMP);
- c) Penguatkuasaan secara berkala juga dilaksanakan bagi memastikan tiada aktiviti pengimportan serta penggunaan racun perosak haram dengan menjalankan pemeriksaan di premis-premis perniagaan serta lawatan ke ladang-ladang. Sepanjang tahun 2014, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah melakukan sebanyak 431 serbuan di seluruh negara termasuk di Cameron Highlands; dan
- d) Mendidik serta mempromosi maklumat mengenai teknik pengendalian dan penggunaan racun makhluk perosak dengan selamat dan betul di samping menggalakkan petani-petani untuk mematuhi Amalan Pertanian Baik (MyGAP).

Di samping itu, Akta Racun Mahhluk Perosak 1974 telah dikuatkuasakan terhadap kesalahan menjual atau menyimpan racun makhluk perosak haram di bawah sub-seksyen 20 (3) yang memperuntukkan hukuman penjara 3 tahun atau denda sebanyak RM10,000.00. Sementara itu, bagi kesalahan memiliki racun makhluk perosak haram pula, seksyen 53A (10a) memperuntukkan hukuman penjara 1 tahun atau denda sebanyak RM10,000.00.